

Setuju tingkat hubungan pertahanan negara ke tahap lebih tinggi

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN  
SHAH ALAM

# Malaysia - Arab Saudi sepakat

SINAR AHAD MS:36 19/6/2022



HISHAMMUDDIN

**K**erajaan Malaysia dan Arab Saudi bersetuju mempertingkatkan hubungan pertahanan ke tahap lebih tinggi menerusi pembentukan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) di bawah tiga tiang utama iaitu kerjasama ketenteraan, kolaborasi industri pertahanan dan kerjasama kebajikan veteran tentera.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, persetujuan tersebut dibuat bersama Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Bin Salman dalam satu sesi perbincangan mengenai hala tuju pembangunan masa depan negara.

Perbincangan itu dibuat dalam satu jawatan rasmi Hishammuddin ke Arab Saudi bagi memenuhi jemputan daripada Mohammed yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Arab Saudi, termasuk membincangkan beberapa langkah dalam memajukan industri kedua-dua buah negara.

“Beliau (Mohammed) dan saya

“

*Kami bertukar-tukar pandangan mengenai prospek serta cara untuk membangunkan lagi hubungan pertahanan dua hala sedia ada.*



Hishammuddin dalam sesi perbincangan bersama Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman.

mengadakan beberapa siri perbincangan yang konstruktif dan membuah hasil di mana kita mengkaji isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

“Kami bertukar-tukar pandangan mengenai prospek serta cara untuk membangunkan lagi hubungan pertahanan dua hala sedia ada, dan mempergiatkan kerjasama dalam perdagangan, ekonomi, pelaburan, kawasan tentera dan keselamatan,” katanya dalam satu kenyataan media, pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, pihaknya bersama kerajaan Arab Saudi juga bersetuju menumpukan usaha meningkatkan kerjasama ketenteraan melalui tiga bidang utama.

Menurutnya, antara bidang tersebut melibatkan dari segi kepaikaran tentera, perubatan serta perisikan.

Dalam pada itu, beliau berkata mereka juga tidak ketinggalan membincangkan mengenai usaha dalam membangunkan industri pertahanan negara serta kerajaan Arab Saudi.

“Hasinya, satu kumpulan kerja akan ditubuhkan antara Pihak Berkuasa Am bagi Industri Ketenteraan Arab Saudi (GAMI), Bahagian Industri Pertahanan (DID) daripada Kementerian Pertahanan (MinDef), dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengenai perkongsian pengetahuan dan potensi perkongsian industri pertahanan.

“Tambah pula, Industri Tentera Arab Saudi (SAMI) juga akan melakukan kerjasama konkrit dengan LTAT untuk meneroka potensi kerjasama antara kedua-dua pihak.

“Mengenai usaha ‘counterterrorism’ (memerangi penganas), beliau dan saya juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama kami dalam memerangi dan membendung ancaman keganasan dan ekstremisme,” ujarnya.

### Hubungan dua hala

Selain itu, menurut Hishammuddin, beliau turut mengadakan pertemuan bersama Naib Menteri Pertahanan Arab Saudi, Putera Khalid Salman ketika lawatan rasmi berkenaan.

Jelasnya, pertemuan itu memberi tumpuan kepada hubungan strategik di samping mengkaji semula perkongsian Malaysia-Arab Saudi dan aspek kerjasama dalam bidang pertahanan serta ketenteraan.

Tambahnya, perkara lain turut dibincangkan dalam perjumpaan itu termasuk minyak dan gas; keselamatan makanan serta kerjasama ekonomi dan kewangan.

“Selain daripada perkara berkaitan hubungan dua hala pertahanan, saya juga mengambil kesempatan untuk

membincangkan dengan beliau mengenai perkara-perkara lain seperti minyak dan gas, khususnya mengenai kerjasama antara Saudi Aramco dan Petronas, serta badan-badan lain yang berkaitan.

“Keselamatan makanan turut dibincangkan meliputi kerjasama dalam industri halal dan minyak palma yang di eksport ke Arab Saudi dari Malaysia.

“Turut dibincangkan, kerjasama ekonomi dan kewangan melalui peluang dana kekayaan berdaulat Arab Saudi, Dana Pelaburan Awam (PIF) dan Bursa Saham Arab Saudi (Tadawul),” jelasnya.

Di samping itu, kata Hishammuddin, beliau juga bertemu dengan Menteri Negara dan Ahli Kabinet Arab Saudi, Putera Turki Mohammad bagi membincangkan perkara-perkara penting berhubung kerjasama Malaysia-Arab Saudi.

“Dalam pertemuan saya dengan beliau (Turki), kami menekankan perbincangan hubungan dua hala yang lebih kukuh serta aspek kerjasama dalam pelbagai bidang.

Hishammuddin turut memaklumkan, beliau bersama anggota Jemaah Menteri yang berkaitan akan membuat persediaan bagi sesi lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke Arab Saudi.

“Saya akan melaporkan kepada Perdana Menteri dan anggota Jemaah Menteri yang berkaitan secepat mungkin untuk membuat persediaan bagi lawatan beliau ke Arab Saudi akan datang.

“Semua keputusan mengenai perkara yang memerlukan kerjasama antara kementerian atau agensi, akan disampaikan dalam mesyuarat Kabinet akan datang,” katanya.



Hishammuddin bersama Putera Turki Mohammad berbincang mengenai hubungan dua hala dan aspek kerjasama dalam pelbagai bidang.